

ELEMEN PEMBANGUNAN JATI DIRI REMAJA DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

*(Elements of Adolescent Identity Development in Moral Rehabilitation Centre
According To Islamic Perspective)*

***Mariam Abd. Majid¹, Sahlawati Abu Bakar², Khairani Kaharuddin³, Muhammad Yusuf
Marlon⁴, Mariani Abd. Majid⁵, Mohd Izwan Mahmud⁶, Hafizatul Akmal Abd. Jalil⁷ & Aisyah
Humairak Abdul Rahman⁸**

Submitted: 18-Sep-2020
Accepted: 18-Sep-2020
Revised: 18-Sep-2020
Published: 18-Sep-2020

^{1,2,4,8} Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia. (Garamond, 10pt, 1.0 Spacing)

³Jabatan Pengajian Am
Politeknik Port Dickson
71050 Negeri Sembilan, Malaysia

⁵Fakulti Ekonomi
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

⁶Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

⁷Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: mariam@uis.edu.my

Abstrak

Golongan remaja dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan akhlak disebabkan pelbagai kes salah laku sosial. Beberapa faktor dikenalpasti menyumbang terhadap penglibatan golongan remaja dalam kes-kes tersebut. Pelbagai usaha dilakukan bagi menangani isu penglibatan golongan remaja dalam permasalahan akhlak hari ini namun ianya terus berlaku malahan semakin berleluasa. Pengetahuan dan pengamalan ajaran Islam dikenal pasti dapat membangun jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak sekali gus berupaya membentengi diri mereka daripada terjebak semula melakukan salah laku sosial. Artikel ini bertujuan mengemukakan elemen pembangunan jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak menurut perspektif Islam. Data kajian diperolehi menerusi metode dokumentasi dan dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan. Aspek pembangunan jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak perlu ditunjangi dengan pembangunan elemen spiritual dan fizikal secara seimbang. Dapatan ini dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam merangka kaedah atau program bagi pemulihan akhlak remaja di pusat pemulihan akhlak khususnya.

Kata kunci: Elemen Pembangunan Jati Diri, Remaja, Pusat Pemulihan Akhlak, Perspektif Islam

Abstract

Adolescents are admitted to moral rehabilitation centers due to various cases of social misconduct. Several factors were identified as contributing to the involvement of adolescents in these cases. Various efforts have been made to deal with the issue of adolescent's involvement in moral problems today, but it

continues to happen and is even more widespread. The knowledge and practice of Islamic teachings have been identified as being able to build the identity of adolescents in the moral rehabilitation center, thus trying to protect themselves from getting caught up in social misconduct again. This article aims to present elements of adolescent identity development in moral rehabilitation centers according to the Islamic perspective. The documentation method is used for data collection with content analysis. The basis of adolescent identity development in moral rehabilitation centers needs to be supported by the development of spiritual and physical elements in a balanced way. This finding can be used by interested parties in devising methods or programs for adolescent moral rehabilitation in moral rehabilitation centers.

Keywords: Identity Development Elements, Adolescents, Moral Rehabilitation Center, Islamic Perspective

1.0 PENDAHULUAN

Kes-kes sosial yang berlaku dalam kalangan remaja pada hari ini semakin membimbangkan. Pelbagai usaha dilakukan oleh pelbagai pihak bagi menangani isu penglibatan golongan remaja dalam permasalahan akhlak hari ini namun didapati kes salah laku disiplin didapati meningkat dan semakin kompleks (Mohd Nor Afandi, Amran & Mohd Saad, 2021).

Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) merekodkan sebanyak 238,790 kes salah laku disiplin pelajar iaitu 5% pada tahun 2018. Jumlah kes ini telah meningkat sebanyak 6.4% pada tahun 2019 iaitu meningkat kepada 304,578 kes. Jadual 1 berikut menunjukkan perincian kluster salah laku disiplin murid dalam pelbagai kategori kesalahan pada tahun 2018 dan 2019 (Musa, Ahmad & Othman, 2022).

Jadual 1: Data Pelajar Mengikut Kluster Salah Laku Disiplin Tahun 2018 dan 2019

Salah Laku Disiplin	2018	2019
Tingkah Laku Berunsur Jenayah	9,516	11,648
Tingkah Laku Berunsur Kelucahan	3,760	4,812
Tingkah Laku Musnah	2,771	3,578
Ponteng Sekolah	126,189	144,644
Buli	4,436	5,666
Kurang Sopan	25,451	36,304
Kekemasan Diri	18,496	29,850
Kanakalan	10,069	13,944
Tidak pentingkan Masa	25,952	34,500
Merokok	12,150	19,632
Jumlah Keseluruhan	238,790	304,578

(Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020)

Remaja yang terlibat dengan kes salah laku sosial ditempatkan di pusat-pusat pemulihan akhlak. Kajian Abu Bakar & Hamzah (2019) mengemukakan kes-kes kesalahan sosial yang dilakukan oleh pelatih remaja yang ditempatkan di pusat pemulihan akhlak remaja di Negeri Selangor iaitu sebanyak 27.1% remaja terlibat dengan keganasan, 48.6% terlibat dengan salah laku seks, 7.1% terlibat dengan salah guna dadah serta 17.1% terlibat dengan lain-lain masalah sosial. Kes penglibatan remaja dalam kes salah laku seks menunjukkan peratusan tertinggi berbanding kes-kes kesalahan yang lain (Abu Bakar & Hamzah, 2019).

Golongan remaja seringkali dikaitkan dengan kehidupan yang berisiko kerana menghadapi fasa perubahan diri dari aspek fizikal, intelek, emosi ekoran terdedah dengan konflik dalam diri dan persekitarannya. Kegagalan mendepani cabaran fasa peralihan ini menyebabkan sebahagian remaja tersilap langkah sehingga membawa mereka terlibat dengan masalah sosial (Syazwana et. al., 2019). Remaja pada hari ini berhadapan dengan cabaran yang sangat hebat kerana berada dalam zaman yang terdedah dengan pelbagai pengaruh. Kepesatan kemajuan dan era globalisasi yang melingkungi kehidupan semasa ini secara tidak langsung memberi kesan kepada sikap dan sahsiah mereka kerana mudah terpengaruh kepada pelbagai unsur yang mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku seharian. Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang terhadap penglibatan remaja dalam salah laku sosial iaitu kurang kematangan dalam menjalani kehidupan, gaya keibubapaan, pengetahuan keagamaan dan sokongan sosial. Menurut Wan Ismail et. al (2021), faktor penglibatan seseorang dengan salah laku sosial antaranya faktor

keluarga, agama, pendidikan, rakan sebaya, teknologi, perasaan semula jadi, dan pergaulan bebas.

Keperihatinan semua pihak terhadap isu penglibatan golongan remaja dalam permasalahan salah laku sosial mesti menjadi keutamaan agar ianya dapat dibendung daripada terus berleluasa tanpa dikawal.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Metode dokumentasi digunakan bertujuan untuk mendapatkan data kajian ini. Dokumentasi merupakan pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan. Melalui kaedah ini maklumat menyeluruh berkaitan kajian diperolehi daripada sumber sekunder iaitu jurnal, prosiding dan pelbagai kajian ilmiah (Farisha, Berhanundin & Mohd Safri, 2020). Data didengar, diperolehi dan dilihat merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2005; Babbie, 2010; Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Data-data yang dikemukakan dalam artikel ini diperolehi menerusi analisis kandungan.

3.0 PEMBANGUNAN JATI DIRI REMAJA DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Kewujudan pusat pemulihan bertujuan memulihkan akhlak pelatih yang terlibat dalam aktiviti jenayah menerusi bimbingan untuk mengembangkan sikap yang positif, memperkuat sahsiah mereka, serta memperoleh keterampilan yang diperlukan untuk hidup mandiri dalam masyarakat (Mariam et. al, 2023).

Program pemulihan akhlak ini merupakan suatu khidmat sosial yang bermanfaat bagi memulihkan individu yang mengalami masalah tingkah laku negatif (Ibrahim et. al, 2020). Setiap pusat pemulihan mempunyai program pemulihan yang dilaksanakan. Usaha perlu dilakukan bagi melihat keberkesanan program pembangunan atau pemulihan yang dilaksanakan memberi impak positif terhadap perubahan diri remaja (Mohd Nor Afandi et. al, 2021). Menurut Wan Ismail et.al (2020), aspek pengubatan dan pemulihan para pelatih yang telah terlanjur perlu dititik beratkan di pusat-pusat pemulihan agar mereka tidak mengulangi atau terjebak kembali dengan perlakuan yang sama. Pelaksanaan program pemulihan yang dilaksanakan di pusat pemulihan mempengaruhi keberkesanan proses pengubatan dan pemulihan para pelatih remaja di pusat pemulihan. Namun, modul-modul kursus harus dikaji semula, diperhalusi dan dirombak sekiranya perlu bagi melengkapkan set nilai yang berkualiti kepada individu (Haridi et al., 2020).

Keberkesanan program pemulihan akhlak remaja di pusat pemulihan akhlak dapat dilihat menerusi keupayaan membangun jati diri remaja. Pembinaan jati diri penting pada setiap individu dan masyarakat penting untuk menangkis tingkahlaku delinkuen dan permasalahan sosial. Fenomena peningkatan salah laku sosial yang berlaku dalam kalangan remaja pada hari ini menunjukkan indikator golongan remaja mempunyai jati diri yang rapuh atau ketandusan jati diri. Jati diri atau *huwiyah* diertikan sebagai sifat-sifat atau watak asli yang perlu dimiliki oleh individu atau bangsa bagi membentuk identiti serta perwatakan. Perkataan jati diri diertikan merujuk kepada identiti diri yang sebenar atau asli yang dimiliki oleh seseorang termasuk nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Ia merujuk kepada identiti diri yang mantap dengan nilai-nilai agama, adat, budaya, bangsa dan juga negara (Abu Bakar & Hamzah, 2019). Jati diri turut bermakna sifat, ciri atau nilai-nilai murni peribadi yang kekal dan stabil, tidak akan berubah atau payah untuk berubah seperti sifat

bercakap benar, amanah dalam urusan, menyampaikan maklumat secara bijak, bersih dan jujur (Shafiee et al., 2013).

Sifat jati diri perlu diasuh dan ditanam dalam diri setiap insan semenjak awal kelahiran dan ia boleh dipupuk dari zaman bayi, kanak-kanak, remaja dan akan membuah hasil ketika menginjak usia dewasa (Mohamad, 2012). Pembentukan jati diri ini bertujuan menghindari golongan remaja daripada terlibat dengan perkara negatif yang merosakkan diri (Azizan, Mohd Yusof & Ismail, 2018). Setiap remaja terutama yang telah terlibat dalam masalah salah laku sosial ini, perlu dibimbing untuk membangun jati diri dalam diri. Remaja yang memiliki jati diri yang kukuh bukan sahaja mempunyai konsep sendiri yang tinggi, tetapi berupaya menghalang diri daripada terjebak dengan permasalahan sosial dan tingkah laku delinkuen. Jati diri dalam Islam adalah keperibadian seseorang yang dibangunkan berasaskan penghayatan dan pengamalan ajaran Islam. Menurut Stapa et.al (2012), kaedah berkesan bagi meningkatkan kekuatan jati diri remaja adalah dengan mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah. Jati diri murid merupakan elemen yang penting untuk membina daya tahan, kekuatan jiwa, membentuk pemikiran dan karakter, memenuhi individu yang manusiawi, berpendirian tegas, stabil serta tidak goyah dengan pelbagai cabaran. Ini kerana, masa remaja adalah waktunya untuk memperkayakan diri dengan pembangunan identiti (Andre, 2020). Namun pelaksanaan tanggungjawab membentuk jati diri remaja yang terlibat dalam salah laku sosial ini memerlukan panduan dalam pelaksanaan bimbingan terhadap mereka bagi memantapkan jati diri. Artikel ini bertujuan mengemukakan elemen pembangunan jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak menurut perspektif Islam bertujuan membendung masalah keterlibatan semula golongan remaja ini dalam salah laku sosial.

Asas pembangunan program jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak perlu ditunjangi dengan pembangunan elemen spiritual dan fizikal secara seimbang (Stapa et al, 2012). Tunjang dimensi pembangunan jati diri remaja berasaskan elemen spiritual dan fizikal adalah merujuk kepada unsur penciptaan manusia iaitu ruh dan jasad. Kedua unsur penciptaan manusia ini dijelaskan dalam firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 29:

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ، وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ، سَاجِدِينَ

Terjemahan: "Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya"

Ibn Kathir (1990) menjelaskan bahawa Allah telah meniupkan roh ke dalam ciptaan-Nya untuk manusia bersujud dan menjalankan amanah sebagai khalifah Allah di muka bumi. Menurut Amrullah (2020), ayat ini menjelaskan bahawa penciptaan manusia mempunyai gabungan di antara unsur nyata dan ghaib, fizikal dan spiritual. Unsur nyata berbentuk fizikal jasad iaitu tanah kering daripada tanah hitam yang berbau manakala unsur ghaib berbentuk spiritual iaitu tiupan ruh daripada Allah SWT.

Menurut al-Ghazali (1997), pembangunan elemen spiritual manusia yang mantap menyumbang terhadap pembangunan elemen fizikal (*jasadiyyah*). Pembangunan elemen spiritual manusia meliputi pembangunan aspek *al-aql*, *al-nafs* dan *al-qalb* (Al-Ghazali, 1967). Abdullah Nasih Ulwan dalam buku *Tarbiyat al-Aulad Fi al-Islam* mengemukakan konsep *ribat al-imaniyyah* iaitu penekanan terhadap keimanan (rukun iman), pengamalan (rukun Islam) dan prinsip asas syariah (membezakan antara perkara yang baik dan buruk) dalam pendidikan anak-anak secara khusus (Ulwan, 2011). Penerapan asas akidah dalam pemikiran anak-anak

sangat penting bagi mencetuskan tingkah laku berfokus kepada kepercayaan kepada Allah SWT. Program pembangunan elemen spiritual dan fizikal perlu dilaksanakan secara seimbang agar berupaya menyumbang terhadap pembangunan jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak. Rasulullah saw bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضَغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Terjemahan: Ketahuilah, sesungguhnya di dalam tubuh manusia terdapat segumpal daging. Jika ianya baik, seluruh tubuh menjadi baik. Jika ianya rosak, maka seluruh tubuh juga rosak. Ketahuilah (segumpal daging) itu ialah hati.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

al-Aql ialah akal jasmani iaitu suatu sifat ilmu yang bertempat pada hati dan akal manusia yang boleh membuatkan manusia mengenal, mengetahui dan memahami (Md Sham, 2016). Pembangunan *al-aql* dilaksanakan melalui penyampaian ilmu. Para pelatih di pusat pemulihan akhlak perlu diberikan ilmu berkaitan Islam mencakupi ilmu akidah, syariah, akhlak.

Jati diri dalam Islam adalah keperibadian seseorang yang dibangunkan berasaskan penghayatan dan pengamalan ajaran Islam. Jati diri dan Islam saling berkait rapat dalam pembinaan untuk keperibadian seseorang (Stapa et al, 2012). Kaedah yang berkesan untuk mengembalikan dan meningkatkan kekuatan jati diri remaja adalah dengan mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah (Ismail et al, 2012). Menurut Musa et al (2022), pengetahuan dan pengamalan ajaran Islam dikenal pasti dapat membangun jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak sekali gus berupaya membentengi diri mereka daripada terjebak semula melakukan salah laku sosial. Program pembangunan remaja tidak hanya menitikberatkan pada pengetahuan yang diberikan, tetapi juga pada pembentukan watak yang lebih dalam, terutamanya dalam aspek mengamalkan dan memahami nilai-nilai agama dalam kehidupan mereka (Musa et al, 2022).

Pendekatan yang menekankan nilai-nilai ketuhanan, amalan ibadah, akhlak, dan gabungan penggunaan pendekatan psikologi dalam proses pemulihan akhlak diperlukan untuk membantu remaja yang menghadapi kekangan untuk berubah. Transformasi sikap dan akhlak individu berkait rapat dengan pengaruh agama dan kerohanian. Gabungan elemen-elemen kerohanian dan agama dalam modul psikologi kerohanian mampu menggalakkan perubahan dalam diri remaja yang berisiko (Mohammad Jodi et al, 2014). Pandangan yang sama dikemukakan oleh Ahmad Puat dan Abdullah (2018) bahawa aktiviti keagamaan menyumbang terhadap aspek pengukuhan jati diri remaja sekaligus membawa perubahan kepada pertumbuhan sosial komuniti.

Dari perspektif pendidikan Islam, pembinaan nilai dan kecemerlangan manusia yang didasari oleh kebersihan hati menjadi asas utama yang menentukan kejayaan dan kemenangan dalam proses pembangunan jati diri manusia (Mohd Suhari & Mohd Farid, 2018). Program kerohanian merupakan aktiviti-aktiviti yang lebih kepada keagamaan yang mampu membina jati diri yang mantap dalam kalangan pelajar di sekolah sekiranya dilaksanakan sejajar dengan keperluan para pelajar. Justeru, aktiviti-aktiviti yang menekankan elemen spiritual adalah suatu ikhtiar membina potensi diri setiap insan dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah (Haridi et al, 2019). Pendekatan pendidikan Islam menitikberatkan elemen spiritual dan elemen fizikal (Sa'ari et al, 2019). Pembinaan kekuatan elemen spiritual lebih diutamakan dalam proses rawatan yang melibatkan mental dan tingkah laku serta

berupaya membina potensi yang luar biasa bagi membentuk kekuatan jiwa (Mohamad, 2018).

Pembangunan elemen fizikal merupakan interpretasi kesan daripada pembangunan aspek spiritual seseorang meliputi pembinaan aspek jasad, sosial dan emosi. Keterlibatan murid menerusi aktiviti kokurikulum melatih para pelajar menjadi seorang pemimpin yang berkaliber, boleh mengawal diri dalam pelbagai keadaan, tidak mementingkan diri sendiri serta mengutamakan pandangan dan perasaan orang lain dalam membuat keputusan atau tindakan supaya matlamat yang ingin dicapai menjadi lebih berkesan (Talip et al, 2021). Ini menunjukkan bahawa tingkah laku penglibatan oleh murid boleh melatih mereka memiliki sahsiah yang baik malahan merupakan latihan mengawal emosi terhadap pelbagai keadaan yang dihadapi. Personaliti yang memiliki keupayaan untuk membentuk sikap berdaya tahan sangat penting dalam membimbing pelajar berinteraksi dengan lingkungan mereka dengan aman dan tenteram semasa belajar. Daya tahan yang dimiliki oleh seseorang pelajar mampu membentuk keperibadian pelajar yang cekal dan tabah (Musa et al, 2022).

Aspek pembangunan elemen fizikal remaja di pusat pemulihan akhlak ini memerlukan sokongan sama ada dari pihak pegawai di pusat, ibu bapa dan keluarga. Perkembangan individu dipengaruhi pelbagai faktor persekitaran termasuk keluarga, ibu bapa, media massa, pengaruh rakan sebaya dan pendidikan (McHale et al, 2009). Pola sahsiah individu terbentuk menerusi penglibatan, hubungan atau interaksi sesama manusia dan persekitaran yang terbentuk daripada penglibatan sesama mereka. Ini merangkumi ekosistem iaitu keluarga dan sekolah, kronosistem iaitu agama dan budaya, microsistem iaitu emosi diri dan kognitif, mesosistem iaitu masyarakat dan komuniti serta macrosistem yang merangkumi ekosistem, kronosistem, microsistem dan mesosistem. Penglibatan murid dalam iklim suasana persekitaran sekolah yang sihat, kondusif, aktif dalam sukan dan kokurikulum boleh mempengaruhi akademik, tingkah laku beradab, peribadi berkepemimpinan, berkemahiran generik dan mempunyai kemahiran insaniah (Musa et al, 2022).

Demikian juga penglibatan pelatih remaja dengan aktiviti fizikal di pusat pemulihan akhlak dalam iklim persekitaran yang kondusif berupaya memberi kesan terhadap pembangunan jati diri mereka. Latihan kemahiran sosial merupakan salah satu komponen penting pemulihan terapeutik yang menggabungkan aspek intervensi kognitif dan tingkah laku (Mohd Azam, 2016). Ini menunjukkan terdapatnya perkaitan antara keterlibatan dengan keperibadian pembangunan modal insan holistik serta dapat mengadaptasikan dalam pembelajaran.

Program pembangunan elemen fizikal di pusat pemulihan akhlak pelatih remaja memerlukan situasi persekitaran yang kondusif dan khidmat bimbingan yang diberikan kepada para pelatih remaja. Para guru menggunakan bimbingan dan pendekatan yang sesuai untuk membantu remaja berisiko membuat perubahan. Pendidik berperanan sangat penting dalam usaha membentuk spiritual dan tingkah laku remaja (Sa'ari et al., 2019). Remaja berisiko memerlukan perhatian khusus dan pendekatan yang menarik bagi menarik minat mereka untuk berubah terutama bagi remaja yang kurang mendapat kasih sayang daripada ibu bapa mereka ekoran keluarga bercerai dan terpaksa tinggal bersama dengan nenek. Golongan remaja sangat memerlukan kasih sayang, perhatian, bimbingan, dan contoh yang baik untuk memotivasikan mereka dalam melakukan perubahan dan mencapai kejayaan dalam hidup (Mohd Nor Afandi et al, 2021).

Kajian Mat Isa & Abdul Ghani (2012) mengaitkan hubungan antara pola sahsiah diri remaja terhadap akidah, ibadat, muamalat, dan akhlak dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya iaitu didikan agama, ibu bapa, rakan sebaya dan media massa. Ini menunjukkan bahawa penglibatan dengan persekitaran dan orang

sekeliling merupakan perantaraan bagi menyokong pembinaan sahsiah yang terisi pelbagai perwatakan dan karekter positif. Usaha membimbing remaja ke arah perubahan tingkah laku sangat penting agar mereka dapat menjalani kehidupan secara lebih produktif. Bimbingan yang diberikan dapat membantu remaja memahami potensi diri dan menggunakannya sebaik mungkin selaras dengan kehendak persekitaran. Tindakan mengubah tingkah laku remaja yang dilihat cenderung ke arah negatif adalah penting agar remaja tersebut menjadi dewasa yang positif dan mengamalkan nilai peribadi yang baik.

Proses pembangunan jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak turut dipengaruhi oleh faktor kesediaan diri remaja. Perkara yang sangat penting dalam perubahan tingkah laku remaja adalah memastikan remaja mempunyai keinginan kepada perubahan tingkah laku, serta remaja itu sendiri bersedia untuk mengubah tingkah lakunya ke arah yang lebih baik demi kehidupan akan datang yang bermakna. Oleh itu, program-program sokongan sangat diperlukan bagi membantu serta memberi galakan kepada golongan pelatih remaja untuk melakukan perubahan diri. Program-program sokongan perlu diterokai bagi memastikan usaha membantu mereka untuk berubah dapat dilaksanakan dengan efektif. Pendekatan motivasi merupakan antara salah satu aspek sokongan yang dapat membantu kesediaan pelatih remaja untuk berubah (Ahmad Puat et al, 2018).

Golongan remaja memerlukan bimbingan dan panduan untuk membentuk jati diri yang kukuh bagi menangkis segala pengaruh negatif yang boleh merosakkan masa hadapan mereka. Kajian Azizan et. al (2021) mendapati antara cabaran kepada institusi ialah menentukan akhlak guru yang memberi didikan dan menjadi ikutan yang baik kepada remaja. Kewibawaan guru atau pembimbing antara cabaran besar dalam pemulihan akhlak remaja delinkuen.

Salah satu alternatif bagi membangunkan jati diri remaja yang terlibat dengan salah laku sosial adalah dengan kewujudan institusi pemulihan akhlak. Kuwujudan institusi pemulihan akhlak merupakan platform yang berperanan penting dalam melaksanakan program pemulihan akhlak dengan merangka pelbagai pengisian dan pendekatan (Abdul Halim et al, 2017). Ini selari dengan kajian Mohd Suhari & Mohd Farid (2018) yang mendapati bahawa pelaksanaan program tarbiah yang mempunyai pembangunan spiritual memerlukan organisasi yang mantap bagi mencapai objektif pembangunan spiritual iaitu membentuk sahsiah murid. Tadbir urus pusat pemulihan akhlak yang mantap mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program pembangunan jati diri remaja di pusat pemulihan akhlak.

4.0 PERBINCANGAN

Jati diri yang mantap berupaya menghindari diri daripada terjerumus melakukan tingkah laku yang negatif, sebaliknya jati diri yang rapuh menjadikan seseorang mudah terpengaruh dengan salah laku sosial. Ini sejajar dengan dapatan kajian Ghazali dan Abdullah (2017) menyatakan bahawa kesedaran dan pemahaman agama yang lemah menjadi faktor berlakunya gejala negatif dalam masyarakat. Adapun begitu, kajian Yahya dan Sa'ari (2016) serta Ab Aziz dan Muhd Adnan (2018) mendapati tahap pengetahuan dan penghayatan agama yang rendah menjadi punca kecenderungan remaja terlibat dengan gejala keruntuhan akhlak. Pegangan agama dan pengamalan ajaran Islam berasas ajaran Islam sebenar iaitu bersumber al-Quran dan al-Sunnah menyumbang terhadap kemantapan jati diri individu. Kajian Baharuddin dan Ismail (2016) mendapati remaja yang terlibat dalam salah laku sosial kurang mengamalkan ajaran Islam.

Program pemulihan akhlak remaja perlu dilaksanakan secara seimbang dalam aspek pembangunan spiritual dan fizikal. Kajian terkini oleh Zulkifli et al. (2023)

menunjukkan bahawa program pendidikan Islam yang holistik di sekolah-sekolah menengah dapat meningkatkan ketahanan moral dan jati diri remaja secara signifikan. Ahmad et al. (2022) mendapati modul pendidikan spiritual yang dilaksanakan oleh Sekolah Harapan Melaka berkesan dalam pemulihan jiwa dan akhlak remaja. Ini selari dengan kajian Rahman dan Ismail (2024) mendapati bahawa program pemulihan akhlak yang menggabungkan elemen pendidikan Islam, kaunseling, dan aktiviti kemasyarakatan menunjukkan hasil yang lebih positif dalam pemulihan akhlak remaja berbanding program konvensional. Yahaya dan Ahmad Yatim (2018) mendapati bahawa kesedaran keimanan mampu mengubah tingkah laku negatif dan menjadi pendekatan alternatif untuk menangani tingkah laku agresif dalam kalangan murid sekolah. Kajian longitudinal oleh Hassan et al. (2023) selama lima tahun di beberapa buah sekolah menengah di Malaysia menunjukkan bahawa pelajar yang konsisten mengikuti program penghayatan Islam di luar waktu persekolahan mempunyai kadar penglibatan dalam masalah disiplin yang lebih rendah berbanding pelajar yang tidak mengikuti program tersebut. Program pemulihan akhlak yang efektif perlu memberi penekanan terhadap pembentukan disiplin, pembentukan sahsiah untuk membina semula sikap jati diri dan keyakinan diri dalam kalangan pelatih.

Berdasarkan Rahim et. al (2022), pendekatan holistik dan kerjasama pelbagai pihak sangat diperlukan seperti institusi pendidikan, keluarga, masyarakat, dan badan-badan keagamaan untuk mencapai keberkesanan yang optimum dalam pembentukan akhlak dan jati diri remaja. Hassan & Ismail (2022), mengemukakan bahawa pendekatan yang menyeluruh dan usaha berterusan dapat membina generasi masa depan yang memiliki asas moral yang kukuh dan jati diri yang teguh. Pendekatan ini turut menyumbang kepada pembentukan modal insan berkualiti tinggi, yang seterusnya akan memacu pembangunan negara ke arah yang lebih cemerlang dan berintegriti (Mohamad & Abdul Razak, 2023).

Aspek penerapan dan pengukuhan agama merupakan elemen penting untuk mengukuhkan jati diri dan akhlak remaja. Pendidikan dan pengamalan ajaran Islam memainkan peranan penting dalam pembangunan jati diri sekaligus membentuk sahsiah dan akhlak dalam kalangan remaja agar dapat menghindari diri daripada terlibat dengan salah laku delinkuen.

5.0 PENUTUP

Pelaksanaan usaha pembinaan jati diri remaja perlu diberi perhatian dan mesti menjadi agenda utama dalam perancangan negara serta institusi-institusi sosial dalam masyarakat. Individu yang memiliki jati diri yang baik berpotensi memimpin anggota masyarakat ke arah kebaikan. Dua aspek perlu diberi penekanan dalam pelaksanaan program pemulihan akhlak remaja di pusat pemulihan ialah kandungan atau model program pembangunan jati diri remaja yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan akhlak serta keperluan program-program sokongan sosial untuk membantu remaja yang berisiko di pusat pemulihan akhlak untuk melakukan perubahan diri ke arah yang lebih baik. Sehubungan itu, pelaksanaan program pemulihan akhlak remaja di pusat pemulihan akhlak perlu didasari dengan pembangunan elemen spiritual dan elemen fizikal manusia secara holistik. Sebaliknya, pengabaian terhadap pelaksanaan program berasaskan pembangunan kedua elemen spiritual dan fizikal serta sokongan sosial boleh mengakibatkan pelatih remaja terjebak kembali melakukan salah laku sosial.

6.0 PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan Negeri Selangor (GPNS) 2023. No. Geran: SUK/GPNS/PKS/09, Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS) yang bertajuk 'Pembinaan Modul Pembangunan Jati Diri Remaja Di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor.

7.0 RUJUKAN

- Ab Aziz, M. & Muhd Adnan, N. L. (2018). Pengamalan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10(2), 180-190.
- Abdul Halim, N. A., Md Sham, F., & Abdullah, M. H. (2017). Pendekatan Motivasi dalam Menangani Tingkah Laku Remaja Berisiko. *Fikiran Masyarakat*, Vol. 5, No. 1, 2933.
- Abd Majid, M., Azizan, N. I., Haridi, N. H. M., Mohamad, N., Usman, A. H., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2023). Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 22-41.
- Abu Bakar, A. A. & Hamzah, M. I. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari*, 11 (1). pp. 1-17.
- Ahmad, M. M. A., Mustapha, A. M., Mustafa @ Busu, Z., Junoh, N., & Nik Din, N. M. (2022). Program Keagamaan Dalam Memantapkan Kerohanian Terhadap Banduan Di Pusat Pemulihan Akhlak Machang Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(49), 47 – 61.
- Ahmad, M., Ibrahim, F., & Rahman, A. (2022). Keberkesanan modul pendidikan spiritual dalam pemulihan akhlak remaja: Kajian kes di Sekolah Harapan Melaka. *Jurnal Pendidikan Islam*, 28(3), 112-127.
- Ahmad Puat, N. D. & Abdullah, B. (2018). Pembinaan Jati Diri Remaja Felda Melalui Aktiviti Dakwah Organisasi Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 18 (1), 52-63. <https://doi.org/10.37231/jimk.2018.18.1.298>.
- Amrullah, A. M. K. (2020). *Tafsir Surah Al-Hijr Dan Juzuk 14*. Kuala Lumpur: Publishing House, hal. 26.
- Andre, B. (2020). Promoting Ethnic Identity Development While Teaching Subject Matter Content: A Model of Ethnic Identity Exploration In Education. *Teaching and Teacher Education* 87. 1-11.
- Al-Ghazali, A. H. M. M. (1967). *Ihya' Ulum al- Din*, Dar ahyal al-Kutub al-Arabiyyah, Kaherah.
- Al-Ghazali. (2013). *Mukhtasar Ihya' 'Ulum al-Din*, terj Zaid Husein al-Hamid. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Ulwan, A. N. (2011). *Tarbiyat al-Aulad Fi al-Islam II*, Kairo: Darussalam.
- Azizan, N. I., Mohd Yusoff, M. Y. @ Z. & Ismail, N. (2018). Pembentukan Jati Diri Remaja Dalam Aspek Ruhyyah Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Ikon Remaja Dalam Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*, Bilangan 11, Isu 1, Halaman 64-74.
- Azizan, N. I., Ismail, N. & Mohd Zin, S. M. & Zainuddin, N. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial Dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*. Vol. 14.
- Azman, N., & Rahman, S. (2023). Pendekatan holistik dalam pembentukan akhlak remaja: Peranan institusi pendidikan dan keluarga. *Jurnal Pembangunan Sosial Malaysia*, 28(2), 45-62.

- Baharuddin, E. & Ismail, Z. (2016). Matlamat Kecerdasan Rohaniah Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 8 (1), 169-185.
- Farisha Irwayu Abdullah, Berhanundin Abdullah & Mohd Safri Ali. (2020). Sorotan Kajian Rawatan Ketagihan Dadah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 184-192.
- Ghazali, M. K. A. & Abdullah, N. A. M. T. (2017). Kesedaran Agama Di Kalangan Belia Di Desa Keda Sadek, Kupang, Kedah: Suatu Kajian Tinjauan Literatur. *Jurnal Al-Hikmah* 9(1), 141-158.
- Haridi, N. H. M., Rahman, R. A., Salleh, N., Jodi, K. H. M., & Daud, Z. (2020). Penerapan Elemen Modal Insan Terhadap Remaja Berisiko di Institusi Pemulihan Akhlak di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 81-103.
- Haridi, N. H. M., Saleh, N. M., & Jodi, K. H. M. (2019). Penerapan Elemen Kerohanian Terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6, 87-98.
- Hassan, N., Othman, A., & Zain, M. (2023). Kesan jangka panjang program penghayatan Islam terhadap disiplin pelajar sekolah menengah: Kajian longitudinal lima tahun. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 48(2), 89-104.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar bin Kathir al-Qurshi al-Dimasyqi. (1990). *Tafsir Ibn Kathir*, Darussalam, Damsyik.
- Ibrahim, N., Mansor, N. H. & Md Yusoff, Y. (2020). Bentuk- Bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur, *Jurnal Usuluddin* 48 (2), 1-23.
- Ismail, A. M., Stapa, Z. & Suhaimi, S. A. (2012). Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 143-154.
- Kamal, N., Zain, A., & Yusof, R. (2024). Kerjasama antara badan keagamaan dan komuniti dalam pembentukan akhlak remaja: Model integrasi sosial. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 19(3), 112-130.
- Mat Isa, K. N., & Abd Ghani, F. (2012). Pola sahsiah remaja dalam kalangan pelajar Islam di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- McHale, S. M., Dotterer, A., & Kim, J. Y. (2009). An Ecological Perspective On The Media And Youth Development. *American Behavioral Scientist*, 52(8), 1186-1203.
- Md Sham, F. (2016). Elemen Psikologi Islam dalam Silibus Psikologi Moden: Satu Alternatif. *GJAT*. Vol 6 Issue 1, 75-85.
- Mohamad, J., & Abdul Razak, A. (2023). Impak program pembangunan remaja berterusan terhadap pembentukan modal insan berkualiti. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 48(1), 23-41.
- Mohamad Jodi, K. H., Mohamad, M. A. & Che Seman, A. (2014). Penerapan Agama Dalam Modul Psikospiritual Dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual: Kajian Kes Di Kompleks Dar Assaadah, Kuala Lumpur. *Jurnal Syariah* 22 (1):107-27. <https://mjcs.um.edu.my/index.php/JS/article/view/8114>
- Mohd Azam, S. B. (2016). Amalan Restoratif Dalam Program Perlindungan Dan Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah Di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 12: 100-135.
- Mohd Nor Afandi, N. H., Amran, N. N., & Mohd Saad, M. F. (2021). Program Pemulihan Berasaskan Manhaj Rabbani Bagi Remaja Berisiko Di Daerah Bentong. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(41), 97 – 117.
- Mohamad, Z. (2012). *Didik Anak-Anak Dengan Sifat Jati Diri*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Mohd Suhari & Mohd Farid. (2018). Pembangunan Spiritual Dalam Pelaksanaan Program Tarbiyah. *Afkar*, Vol. 20 Issue 2 (2018): 127-158.

- Musa, N. A., Ahmad, N. A. & Othman, M. S. (2022). Pembentukan Sahsiah Murid Melalui Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, Vol. 9 No. 1, 109 – 134.
- Muhamad, S. N. (2018). *Psikoterapi Islam: Konsep, Kaedah Dan Panduan (Cetakan Pertama)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim, A., Hamzah, S., & Noah, S. M. (2022). Pendekatan holistik dalam pembangunan remaja: Integrasi aspek spiritual, emosional dan sosial. *Jurnal Pembangunan Belia*, 17(2), 56-74.
- Rahman, S., & Ismail, K. (2024). Keberkesanan program pemulihan akhlak bersepadu untuk remaja bermasalah: Perbandingan dengan pendekatan konvensional. *Jurnal Pembangunan Belia*, 19(1), 23-40.
- Ramli, M. A. & Mohamad, N. R. (2016). Penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan di Melaka: Penilaian dari Perspektif Islam. *AL-BASIRAH Volume 6, No. 1*, pp: 17-30.
- Sa'ari, C. Z., Syed Muhsin, S. B., Ahmad, S. S. & Abd Latif, F. (2019). Model Pendidikan Keibubapaan Abdullah Nasih Ulwan (MPIU) dalam Menangani Isu Remaja Lari dari Rumah. *Jurnal Usuluddin*, 47, 73-103.
- Salleh, M. S., & Ibrahim, N. (2024). Peranan masyarakat dalam membentuk generasi berakhlak mulia: Kajian di kawasan bandar dan luar bandar. *Jurnal Sosiologi Malaysia*, 36(1), 89-107.
- Stapa, Z., Ismail, A. M. & Yusuf, N. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 155-172.
- Shafiee, S. et al. (2013). *Bahasa & Jati Diri - Pembentukan Jati Diri Bangsa Malaysia Melalui Bahasa Melayu*.
- Stapa, Z., Yusuf, N. & Shaharuddin, A. F. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim, *Jurnal Hadhari Special Edition*, 129-141.
- Syazwana, Salina, Suzana & Jamiah. (2019). Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. *Jurnal Sains Sosial Malaysian*, Jilid. 4 (1), 93-101.
- Talip, R., Abdullah, M. Y., Kiflee, D. N. A., & Ping, E. L. S. Pengaruh Pengurusan Kokurikulum Dan Keterlibatan Pelajar Dalam Kokurikulum Terhadap Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Wilayah Persekutuan Labuan. *Jurnal Kesidang*, 6(1), 173-183 (2021).
- Wan Ismail, W. A. F., Abdul Shukor, S., Abdul Mutalib, L., Baharuddin, A. S., Mamat, Z. & Nik Saleh, N. S. S. (2020). Faktor Dan Penyelesaian Isu Anak Tak Sah Taraf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia. *V INSLA e-Proceedings*. Vol. 3 No.1, pp. 136 – 146.
- Yahaya, M. & Ahmad Yatim, A. D. (2018). Kesan Amalan Agama ke atas Pelajar Delinkuen Melalui Modul Spiritual Pemantapan Sahsiah (MOSPES). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* Jilid 14. Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.
- Yahya, M. & Sa'ari, C. Z. (2016). Program Zikrullah Dan Aktiviti Kerohanian Asas Pembangunan Spiritual Golongan Belia Perlu Perhatian (Pp) Dalam Merealisasikan Gagasan Negara Zikir Brunei Darussalam. *Global Journal Al Thaqafah*, 6(1), 101-112.
- Zulkifli, M., Ahmad, R., & Omar, S. (2023). Impak Program Pendidikan Islam Holistik Terhadap Ketahanan Moral Dan Jati Diri Remaja Sekolah Menengah. *Jurnal Pengajian Islam*, 34(1), 56-71.